

23 JUL 2001

MAHATHIR-EKONOMI

EKONOMI M'SIA SIHAT DAN BERDAYA TAHAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ekonomi Malaysia kini berada dalam kedudukan yang lebih sihat dan berdaya tahan berbanding ketika tempoh krisis kewangan pada tahun 1997.

Katanya, ekonomi negara mempunyai asas ekonomi yang kukuh seperti rizab luar negara yang tinggi yang boleh menampung import selama 3.9 bulan pada akhir Jun tahun ini.

Malaysia juga mempunyai pinjaman jangka pendek luar yang rendah iaitu 10.6 peratus daripada jumlah hutang dan 17.7 peratus daripada rizab negara, katanya ketika menjawab soalan Datuk Mustafa Ali (PAS-Dungun) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata sistem perbankan negara juga kukuh dengan "nisbah modal berwajaran risiko" (RCWR) pada kadar 12.1 peratus dan pinjaman tidak berbayar (NPL) pada tahap 7.4 peratus pada April tahun ini.

"Kelembapan ekonomi yang melanda negara kita sekarang adalah berbeza dengan kemelesetan ekonomi akibat krisis kewangan tahun 1997," kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan.

"Krisis kewangan 1997 melibatkan negara-negara tertentu sahaja dan didorong oleh penyangak-penyangak matawang yang mengambil kesempatan daripada kelemahan sistem kewangan antarabangsa," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata kelembapan ekonomi dunia sekarang lebih bersifat pusingan dan dialami oleh kebanyakan negara yang bergantung besar kepada barangan eksport elektronik.

"Bagi sesebuah negara lain yang bergantung secara langsung kepada industri dan eksport barangan elektronik, resesi teknikal telah dikesan," katanya.

Menurutnya, eksport Malaysia terutamanya barangan elektrik dan elektronik telah merosot kesan daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan pemulihan ekonomi Jepun yang tidak menentu.

"Eksport Malaysia ke Amerika Syarikat adalah 20 peratus daripada jumlah eksport negara manakala 60 peratus daripada jumlah eksport tersebut adalah barangan elektrik dan elektronik," kata Dr Mahathir.

Ekoran daripada perkembangan itu, eksport keseluruhan negara telah meningkat hanya 0.2 peratus pada lima bulan pertama tahun ini berbanding 19.3 peratus pada tempoh yang sama pada tahun 2000.

Dr Mahathir berkata malahan eksport barangan elektrik dan elektronik telah mencatat penurunan sebanyak 1.9 peratus berbanding pertumbuhan 20.7 peratus pada tempoh yang sama pada tahun 2000.

"Berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, kadar pertumbuhan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) pada suku tahun pertama 2001 telah berkurangan kepada 3.2 peratus berbanding 11.7 peratus dalam tempoh yang sama tahun 2000."

Perdana Menteri berkata untuk mengurangkan kesan negatif kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, kerajaan telah melaksanakan Pakej Rangsangan Fiskal berjumlah RM3.0 bilion baru-baru ini sebagai tambahan kepada peruntukan belanjawan sebanyak RM28 bilion pada tahun 2001.

Di samping itu, katanya, institusi kewangan telah menetapkan sasaran pertumbuhan pinjaman sebanyak lapan peratus setahun bagi memastikan dasar kewangan terus akomodatif.

Setakat ini, pinjaman tanpa "Sekuriti Hutang Persendirian" (PDS) adalah pada paras 5.5 peratus setahun dan peruntukan tambahan berjumlah RM250 juta

juga disediakan untuk Tabung Makanan, Tabung Usahawan Baru (RM250 juta) dan Tabung Industri Kecil Sederhana (IKS) berjumlah RM200 juta, kata beliau.

Langkah-langkah mempromosi KLIA sebagai "pusat kegiatan serantau" dan penggunaan kemudahan pelabuhan dengan sepenuhnya sedang dilaksanakan untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan, katanya.

Dr Mahathir berkata langkah-langkah untuk merangsangkan ekonomi telah berjaya meningkatkan pertumbuhan berasaskan permintaan dalam negeri pada suku pertama tahun 2001.

"Pada tempoh itu, penggunaan dalam negeri, dalam nilai semasa telah meningkat sebanyak 6.8 peratus dengan perbelanjaan awam meningkat 8.7 peratus sementara permintaan swasta sebanyak 6.5 peratus. Pelaburan pula meningkat dengan kadar 7.4 peratus," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga sedang merangka Belanjawan 2002 yang antara lain untuk menangani isu-isu dan cabaran ekonomi semasa termasuk membendung kesan ekonomi dunia.

Menjawab soalan tambahan Mustafa yang mencadangkan kerajaan menerima saranan tokoh tasawwuf Islam Imam Ghazali bahawa untuk membangunkan negara khususnya dalam bidang ekonomi dua perkara penting perlu ada iaitu pemimpin yang adil dan usahawan yang jujur, dan juga menjamin tidak akan berlaku usaha menyelamat terhadap individu-individu tertentu.

Dr Mahathir berkata: "Apa akan jadi kepada ekonomi negara kalau dibiarkan syarikat-syarikat besar ini bangkrap? Apakah kesannya lebih baik daripada apa yang telah kita lakukan dan yang kita lakukan ini bukan untuk menyelamatkan kroni-kroni."

"Sebenarnya yang berlaku kerja tolong kroni adalah apabila kita lihat kawasan -kawasan balak di Kelantan di Terengganu yang diberi kepada orang-orang tertentu supaya mereka ini menjadi kaya," tambah beliau.

Dr Mahathir berkata apakah pemimpin yang memberikan kawasan balak kepada rakan-rakan di dalam parti dianggap adil dan para pengusaha boleh dianggap jujur apabila mereka mendapat kawasan itu kerana parti mereka menjadi kerajaan di negeri-negeri tertentu."

"Jadi sebelum membuat sesuatu patutlah mereka merenung sedikit apa yang dikatakan oleh Imam Ghazali kerana sebelum kita menegur orang lain ada baiknya kita soal diri kita ini betul atau tidak. Disebutkan dalam Quran kerap kali juga orang yang kita tegur itu lebih baik daripada kita." tambahnya. -- BERNAMA

MK ZK